

Amos Peter dipilih Perwakilan MPP UMS Kampus A-bangsa Labuan

NST 11.11.2014 6

LABUAN: Pelajar Tahun Tiga, Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Amos Peter dipilih sebagai wakil Umum Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Pilihan Raya Kampus (PRK), peringkat kampus universiti itu.

Beliau memperolehi 1,285 undi selepas menewaskan empat lagi calon pada Pilihan Raya Kampus (PRK) yang diadakan di Bilik Sri Menanti, Bangunan Menara, UMSKAL, pada Jumaat.

Calon kedua tertinggi dimenangi pelajar Tahun Tiga Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Eka Fadilah Mohd Lampa yang mendapat 925 undi diikuti Mohd Syahidiyanto Sukiman, pelajar Tahun Tiga FKAL (560 undi) dan Wan Nor Rozila Wan Mat Ron, pelajar Tahun Dua FKI yang memperolehi 270 undi.

Sementara itu, bagi kerusi FKAL dimenangi Lee Dia Zhe yang mendapat 635 undi dan Mohd Anas Mentoh 616 undi.

Tiga lagi calon ialah Thinakaran A/L Suppiah (532), Muhamad Ashraff Nazrin Noor Azman (345) dan Nurul Aqilah Mohamad Zainuzi (234).

Ezra John Anthony pula memenangi kerusi FKI dengan 264 undi manakala Cherril Michell Henry mendapat 70 undi.

Keputusan PRK itu diumumkan oleh Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik di ruang legar Bangunan Menara UMSKAL selepas peti undi ditutup pada pukul 4.30 petang.

Turut hadir Timbalan Pengarah, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Mas Adi Alimin.

Dr Murnizam mengucapkan tahniah kepada calon yang memenangi kerusi Umum, FKAL dan FKI dan berharap mereka memperjuangkan hak-hak semua pelajar untuk manfaat dan kebaikan universiti secara keseluruhannya.

Beliau tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa (AJK) yang mengendalikan PRK pada kali ini. -OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@new-sabahtimes.com.my)